

Bab 5

UMNO selepas Pilihan Raya 1999

Keputusan pilihan raya ke 10, jelas menunjukkan UMNO memerlukan cerdik pandai sama seperti UMNO memerlukan petani, nelayan dan buruh.¹ Golongan ini yang menentukan hidup mati UMNO dan mereka inilah yang terbentuk hasil perjuangan UMNO selama 50 tahun.² UMNO mantap kerana perpaduan dikalangan ahli-ahlinya. Perpaduan ini wujud kerana matlamat bagi menebus maruah orang Melayu dan orang Islam lain di negara ini. UMNO bukanlah sebarang parti, UMNO parti pemerintah dan memerintah. Parti yang benar-benar boleh memelihara dan melindungi bangsa Melayu dan negara Malaysia.³

Kesan disebalik keputusan Pilihan Raya 1999

Keputusan Pilihan Raya 1999, mencerminkan kepada kita bahawa parti komponen BN, terutamanya UMNO telah kehilangan banyak kerusi samada kerusi Parlimen mahupun DUN. UMNO kini hanya mempunyai 72 kerusi Parlimen berbanding 94 kerusi tahun sebelumnya, manakala Pas pula mempunyai 27 kerusi berbanding 7 kerusi pada tahun sebelumnya. Kehilangan 22 kerusi untuk UMNO, menjadi tambahan sebanyak 20 kerusi Dewan Rakyat.⁴

Persidangan Parlimen telah diadakan sejurus selepas Pilihan Raya 1999, iaitu pada 20 Disember 1999, persidangan ini agak kecoh kerana buat pertama kalinya ahli Parlimen Pas agak ramai pada tahun ini dan mereka mendakwa

Perdana Menteri tidak mematuhi peraturan perlembagaan dalam menasihati Yang di Pertuan Agong memanggil persidangan Parlimen tersebut.

"Mereka nak tarik perhatian wartawan-wartawan asing," kata Datuk Mahazir Mohd. Khir (BN-Sungai Petani).⁵

Suasana Dewan Rakyat bertambah gamat apabila Tang Seng Giaw (DAP-Kepong) mengajak Fadzil Noor keluar daripada Dewan sambil diikuti oleh ahli-ahli pembangkang lain. Sidang Parlimen juga memperlihatkan ahli-ahli Parlimen Pas belum begitu memahami adab-adab berdebat dan peraturan bermesyuarat. Apandi Mohamad (Pas- Jeli) misalnya bangun mencelah dan menyօal Jamaluddin Jarjis (BN- Rompin) semacam berdebat di kedai kopi, seharusnya sebelum bercakap, dia terlebih dahulu meminta keizinan Yang Dipertua Dewan.⁶

Dewan Rakyat Malaysia kali ini dimonopoli oleh Fadzil Noor sebagai ketua pembangkang, sedang mengalami zaman peralihan. Ahli-ahli DAP cuba menunjukkan perasaan bersatu hati dengan Pas tetapi perasaan seumpama ini tidak akan lama.⁷ Sesetengah pembangkang yang mengidam menjadi Perdana Menteri, Menteri dan Menteri Besar dan ianya kedengaran sejak setahun dahulu. Apabila parti Pas menang di Arau dalam pilihan raya kecil 1998, khabarnya mereka menukuhkan kabinet bayangan di Perlis. Nasib tidak menyebelahi mereka apabila Perlis tetap kekal di tangan BN dan kerusi Parlimen Arau berjaya dirampas pada pilihan raya umum lalu. Senarai penuh kabinet bayangan dikeluarkan dengan menegepikan langsung rakan sekongkolannya dalam Barisan Alternatif.⁸

Pendapat Perdana Menteri:

"Saya sedih kerana cara pembangkang baru-baru ini seolah-olah membawa undang-undang jajahan ke Parlimen. Mereka tidak langsung mengedahkan peraturan-peraturan. Apabila diberi penjelasan mereka moulak," jelas Perdana Menteri yang agak kecohwa dengan taktik yang digunakan.⁹

Selama ini, pihak pembangkang kerajaan telah diberi ruang untuk menunjukkan bangkangan mereka secara matang dan berwibawa di dalam Parlimen, bukan setakat menjerit-jerit di dewan dan menunjukkan 'taring' sesama ahli Parlimen, maka tidak ubah sikap pembangkang Malaysia seperti ahli Parlimen Taiwan yang kerap menggunakan taktik kurang senonoh untuk menyelesaikan masalah.¹⁰

Pilihan raya di Sanggang dan Telok Kemang

Kajian yang dilakukan melibatkan dua pilihan raya selepas pilihan raya 1999, ialah satu cara untuk mengkaji sejauh mana pengaruh UMNO selepas pilihan raya ini?, dan bagaimana pula dengan reaksi pengundi Melayu yang sering menggundi berdasarkan mood masing-masing. Penelitian ini perlu untuk memberi satu intrepretasi tentang nasib yang menimpa UMNO selepas Pilihan Raya 1999. Adakah parti ini diperlukan oleh orang Melayu lagi?.

Pilihan raya DUN di Sanggang menyaksikan bekas Pegawai Penyelarasan Pentadbiran Masjid Temerloh, Redzwan Harun bertanding bagi pihak UMNO/BN. Penamaan calon diadakan pada 21 Mac 2000 dan aktiviti pengundian dijalankan pada 1 April 2000. BN mempertahankan DUN Sanggang pada pilihan raya umum lalu apabila Datuk Abdullah Kia mengalahkan calon Pas, Abdul Rahim Latif dengan majoriti 1, 038 undi. Malangnya, Abdullah Kia telah meninggal dunia akibat serangan angin ahmar.¹¹

Calon BN daripada parti UMNO, Redzwan Harun tidak begitu berpuas hati dengan taktik Pas yang menyebarkan fitnah yang beliau bukan berkelulusan Universiti Al-Azhar. Malahan Pas telah gagal meletakkan calon agama apabila memilih Pengarah Urusan *Harakah* Datuk Hishmuddin Yahya sebagai calon. Namun, calon BN di sana telah mendapat sokongan padu daripada orang bukan Melayu yang turut berpuas hati dengan sistem letak kereta, kecekapan menyelesaikan setiap aduan serta perkhidmatan lain.¹²

Salah seorang penduduk di sana, Ho Le Bee, 42 tahun berpendapat:

"Kaedah turun padang perlu menjadi amalan semua wakil rakyat kerana dengan cara itu sahajaalah masalah penduduk dapat diketahui," katanya.¹³

Keputusan pilihan ini memberikan kemenangan kepada Redzwan Harun, wakil UMNO yang berusia 49 tahun, menewaskan calon Pas Datuk Hishamuddin Yahya, 61 tahun dengan majoriti 1,963 undi, beliau memperolehi 6,743 undi berbanding wakil Pas yang mendapat 4,780 undi.

Keputusan pilihan raya DUN Sanggang

Redzwan Harun(UMNO/BN)	- 6,743 undi
Datuk Hishamuddin Yahaya (Pas)	- 4,780 undi
Majoriti	- 1,963 undi
Jumlah undi	- 11,639 undi
Peratus keluar mengundi	- 76,28 peratus
Undi Rosak	- 116 undi. ¹⁴

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, mulai dapat mencari serta menerima kesilapan sendiri dan seolah-olah mengadakan munasabah diri apabila beliau mengatakan ketaksuhan penyokong Pas dan BA menyebabkan parti yang berlabelkan agama ini kalah di sana.¹⁵ Konflik mulai berlaku apabila Menteri Besar Terengganu yang baru iaitu Haji Hadi Awang memberi komen mengenai laporan *internet* menjadi punca kekalahan Pas berikutan penglibatan parti dengan politik wang.¹⁶

Rasa tidak puas hati dengan tindakan Pas ini diluahkan dalam ruangan Bicara Agama, bertajuk *Nik Aziz berceluru* oleh Astora Jabat:

"Pas juga menganggap lawatan yang dilakukan oleh pemimpinnya kemana-mana tempat sebagai ziarah tetapi mengecapkan lawatan pemimpin kerajaan sebagai fitnah. Padahal semua orang yang rasional menyedari bahawa lawatan pemimpin Pas itulah sebenarnya menjadi kepala segala fitnah yang berlaku di negara ini.

Ini kerana setiap kali pemimpin Pas berceramah mosti bersebur-sebur keluar bermacam-macam fitnah. Dan sebaliknya ziarah pemimpin kerajaan walaupun kerap ada ceramah, tetapi hanya untuk menjawab fitnah-fitnah yang ditabur oleh pemimpin-pemimpin Pas."¹⁷

Pilihan raya kecil Parlimen yang terbaru diadakan ialah di Telok Kemang, yang menyaksikan kemenangan masih berpihak kepada BN. BN mempertahankan kerusi Parlimen Telok Kemang dengan majoriti 5,972 undi apabila calonnya S. Sothnathan menewaskan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ruslan Kassim. Pilihan raya ini diadakan berikutan kematian penyandangnya S. A. Anpalagan pada 28 April 2000. Pada pilihan raya umum 1999, Anpalagan menewaskan calon Kedilan yang bertanding atas tiket DAP, Gopalakrishnan dengan majoriti 9,942 undi apabila memperolehi 27,112 undi berbanding lawan 170 undi.

Keputusan Pilihan raya kecil PN 9 Telok Kemang

S. Sothinathan (BN)	-24,500 undi
Ruslan Kassim (Keadilan)	- 18, 528 undi
Majoriti	- 5, 972 undi
Jumlah mengundi	-45,441 orang
Peratus undi	- 68. 18 peratus
Undi rosak	-1,051 undi ¹⁸

BN menyifatkan kemenangan di Telok Kemang ini penting kerana ia akan menafikan pendapat bahawa rakyat mahukan pembangkang menang dalam pilihan raya umum lalu. Semua ini penting untuk mengembalikan semula keyakinan orang ramai terutamanya orang Melayu terhadap kemampuan BN terutamanya UMNO menawan semula kerusi Telok Kemang ini. Kenyataan turut dipersetujui oleh Perdana Menteri :

"Tetapi sebenarnya, keputusan pilihan raya tahun 1999 itu adalah disebabkan kejayaan Pas melemparkan fitnah dan memperalatkan DAP serta Keadilan untuk kepentingan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan agung MIC ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.¹⁹

Kemenangan BN dalam kedua-dua kawasan ini telah sedikit sebanyak mengembalikan kepercayaan rakyat kepada BN terutamanya UMNO yang mulai goyang pada pilihan raya 1999. Disamping itu, kejayaan BN di Sanggang menonjolkan sokongan yang kian mengecil terhadap demonstrasi jalanan anjuran Keadilan dan kelemahan kerajaan Pas yang terbongkar satu persatu serta menyerlahkan darjah keyakinan rakyat terhadap UMNO sebagai parti yang banyak berjasa kepada Islam dan Melayu.²⁰

Perhimpunan Agung UMNO ke 54.

Perhimpunan Agung UMNO ini telah diadakan pada 11 Mei 2000 dengan jumlah perwakilan seramai 2,017 orang.²¹ Perhimpunan ini menyaksikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menang tanpa bertanding. Bagi kedua-dua pemimpin ini mandat daripada ahli UMNO tentunya diterima dengan rasa tanggungjawab, rendah hati dan amanah berat bagi menjana semula kekuatan parti bgi menghadapi pilihan raya akan datang. Selain itu, seorang lagi yang menang tanpa bertanding ialah Datuk Hishamuddin Tun Hussein selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.²²

Perhimpunan kali ini menyaksikan ahli-ahli memilih untuk mematuhi nasihat dan aspirasi MT supaya mengelakkan pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden kerana jelas di sanubari mereka. UMNO tidak boleh goyah dan mencari kekuatan baru, selain menginsafi parti itu mempunyai mekanisme terbaik mencebundung perpecahan jika berlaku pertandingan pucuk pimpinan. Atas alasan itu, penampilan Ku Li di tolak bagi menerajui kedua-dua jawatan, kerana apa yang dititikberatakan ialah pemilihan yang dilihat dari segi kredibiliti dan kemampuan para perwakilan memilih calon yang baik.²³

Perburuan yang paling ketara berlaku pada tahap ketiga yang menyaksikan perebutan pucuk pimpinan parti apabila Naib Presiden menjadi rebutan 9 orang calon. Antara calon-calonnya ialah Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Taib yang mempertahankan jawatan ini. Pesaing mereka ialah Datuk Seri Ossu Sukam, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Abdul Ghani Othman, dan

Tan Sri Isa Samad yang bertanding buat pertama kalinya. Turut bertanding ialah Datuk Seri Syed Hamid Albar, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dr. Rais Yatim.²⁴

Calon Kelantan dan Terengganu juga agak terhad, kerana dipercayai mereka ketandusan calon yang berkarisma. Setakat ini hanya 4 orang calon daripada negeri 'Cik Siti Wan Kembang' iaitu Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Annuar Musa, Datuk Hassan Haron dan Datuk Ibrahim Ali. Calon kelima dari Kelantan ialah Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir yang telah menarik diri. Manakala, Terengganu mewakilkan empat calon dan yang paling menonjol Datuk Idris Jusoh.²⁵

Apa kata kita membuat perbandingan Perhimpunan Agung UMNO-pemilihan Naib Presiden 1996, apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad begitu menyanjungi timbalannya, umpamanya semasa wawancara RTM (Radio Televisyen Malaysia) pada tanggal 16 Ogos 1996, Dr Mahathir Mohammad telah berkata bahawa beliau mempercayai Anwar Ibrahim dapat membantu beliau menerajui pemerintahan negara.

Anwar Ibrahim sendiri dalam setiap kesempatan ini menunjukkan bahawa beliau tetap hamba yang setia kepada Dr. Mahathir Mohammad seperti yang dipetik melalui tiga rangkap pantun sempena 15 tahun Dr. Mahathir Mohammad sebagai Perdana Menteri:

Tampai api di Tanjung Tuan,

Kuala Linggi tentunya indah,

Harap hatinya padamu tuan,

Langit tinggi dipandang rendah.

Kalau tidak kerana kilauan,

Tidak terlihat ikan di kali,

Kalau tidak kerana tuan,

Mana mungkin saya di sini.

Angkut-angkut terbang ke langit,

Mati disambar anak merbah,

Tetangkup bumi dengan langit,

Setia kita tidak akan berubah.²⁶

Natijahnya, pengajaran dapat diperolehi daripada amanat Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO ke 54. Beliau berharap semua ahli parti akan kembali kepada perjuangan asal UMNO dan mereka harus berkerja keras memulihkan imej UMNO supaya kelak dihormati sebagaimana awal penubuhannya.²⁷ Beliau turut mengakui bahawa pandangan rakyat terhadap UMNO merosot selepas pilihan raya umum 1999 dan beliau mahu ahli-ahli UMNO segera membaiki imej tersebut.²⁸

" Dalam menempah alaf baru ini sewajarnya memaksa kita melakukan muhasabah (penilaian diri) agar membaiki diri sendiri. UMNO perlu lebih relevan dan sani cara melakukan ini ialah meningkatkan penglibatan ahli-ahli di dalam proses politik UMNO. Ahli-ahli yang setia telah memberi semangat baru kepada UMNO. Terima kasih kepada ahli-ahli UMNO yang aktif keluar mengundi...kembalikan hak mengundi kepada semua ahli dan jadikan mereka relevan dalam menentukan masa depan UMNO seperti UMNO mahu terus relevan kepada ahli-ahli khasnya dan Malaysia amnya."²⁹

Intipati penting ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam Perhimpunan Agung UMNO 2000 ialah:

" Parti yang memperkenalkan demokrasi di Malaysia ialah UMNO. Sebelum dijajah sistem pemerintahan di negeri-negeri Melayu adalah sistem feudal... UMNO menolak feudalisme dan autokrasi dan memilih demokrasi, pemerintahan oleh rakyat melalui wakil pilihan mereka. Demokrasi bukanlah sistem yang bebas daripada kecacatan dan mudah dijayakan,... Tetapi Malaysia berjaya mengamalkan demokrasi... kita telah mengadakan pilihan raya ke 10. Kerajaan Perikatan dan BN tidak takut menyerahkan balik mandat untuk memerintah kepada rakyat supaya rakyat dapat menilai dan menentukan siapa layak memerintah negara ini."³⁰

Perhimpunan ini turut membincangkan soal kemerosotan prestasi UMNO dalam pilihan raya baru-baru ini. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Naib Presiden UMNO Malaysia mengatakan kekalahan UMNO dalam pilihan raya baru-baru ini sebagai kejayaan pembangkang. Kelemahan undi yang kelihatan memihak kepada pembangkang digembar gembur sebagai tanda UMNO akan terkubur. Parti pembangkang secara megah membuat pengiktirafan akan menawan satu persatu negeri mengikut teori domino, namun kemudian dikejutkan daripada mimpi apabila kemenangan calon UMNO di Sanggang dengan tambahan majoriti 89 peratus.³¹

Nampaknya, Perhimpunan Agung UMNO 2000 memenuhi aspirasi semua tokoh-tokoh politik UMNO. Misalnya, Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berpendapat maruah generasi yang bakal dilahirkan bergantung sepenuhnya kepada kekuatan UMNO dan perpaduan orang Melayu atas alasan itu kekuatan UMNO hanya mampu diperolehi dengan mengembalikan semula keyakinan orang Melayu terhadap UMNO.

"... Yakinlah bahawa UMNO lahir dari doa orang Melayu yang tertekan dan terjajah selama lebih daripada 400 tahun. Sebab itu, UMNO dianggap keramat kerana merupakan jawapan kepada masalah orang Melayu." katanya.³²

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata :

" Jika UMNO lemah dan berpecah dan tidak bersatu, maka masa depan umat Melayu dan negra juga kan hancur," katanya ketika berucap menggulung perbahasan dalam Perhimpunan Agung ini.³³

Ternyata orang ramai mulai menumpahkan taat setia mereka kepada kepimpinan UMNO, umpamanya dakwaan seorang bakal penguam Khairul Anuar Rahmat, 24 tahun, berasal dari Kluang, Johor berpendapat:

"Saya ingin melihat sendiri apakah betul orang muda seperti saya sudah menolak UMNO dan dari apa yang saya lihat, anggapan itu tidak benar.

Walaupun majoriti yang hadir di sini hari ini adalah daripada golongan berumur, kehadiran ramai para belia meyakinkan saya bahawa masa depan UMNO masih cerah," katanya³⁴

Sebenarnya perjuangan sesuatu bangsa itu tidak pernah selesai, kerana proses evolusi hidup akan memberi cabaran dan menjalankan tugas yang baru itu itu akan hapus. Dalam negara kita tiada pengganti kepada UMNO. Pas tidak boleh menggantikan UMNO kerana ideologi yang sempit dan menolak fahaman kebangsaan yang sah. Ini sekali gus akan mencacatkan kemerdekaan dan kemajuan bangsa.³⁵

Pada pandangan saya, keputusan dan kesan Pilihan Raya 1999 telah mencerminkan gerak hati sebenar rakyat Malaysia yang agak bercelaru, ditambah dengan isu-isu yang mendasari keputusan tersebut. Sejak 42 tahun lalu, kita mempunyai kerajaan yang kukuh, dinamik dan effisien, kerajaan yang dipimpin oleh BN yang dikepalai oleh UMNO telah mentransformasikan Malaysia ke era yang tidak pernah diimpikan oleh datuk nenek kita sebelum ini. Kita amat beruntung kerana hidup dalam suasana masyarakat pelbagai kaum yang telah membuang sama sekali perasaan perkauman.

Kekacauan dan keraguan hanya terbit apabila berlaku pergolakan politik seperti perpecahan UMNO pada tahun 80-an dan pemecatan Anwar Ibrahim pada bulan September 1998. Di samping itu, hanya apabila berlaku pergolakan politik, baru muncul ‘berombak-ombak’ kritikan terhadap kerajaan kononnya kerajaan yang ada sekarang penuh rasuah, hanya mementingkankekayaan kawan dan keluarga, lebih malang lagi digambarkan sebagai tidak berupaya memerintah negara.

Namun, pilihan raya ialah satu eksais untuk kita menginsafi nasib tanah tumpah darah kita dan keluar mengundi dengan matlamat untuk memastikan ketahanan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, berdaulat dan progresif sentiasa terpelihara.³⁶

Ramai golongan cerdik pandai negara ini yang memberi beberapa petua penting untuk memilih sebuah parti yang bersesuaian bagi menerajui kerajaan. Bagi tokoh akademik Prof. Tan Sri Awang Had Salleh menyarankan dalam membuat penentuan tersebut, kestabilan dan kekuahan parti akan lebih diutamakan

berbanding dengan individu yang diwakili sesuatu parti, kerana kedua-dua perkara ini menjadi kunci kekuahan negara.

"Kita telah mula melangkah ke arah yang betul. Kita memerlukan kerajaan yang mampu merealisasikan globalisasi dan teknologi maklumat (IT), keputusan pilihan raya akan menentukan kejayaan ini," jelasnya.³⁷

Profesor Ramlah Adam, turut bersetuju dengan semua perkara ini:

"Individu berkarakter bukan menjamin ke arah pemerintahan yang baik sebaliknya kekuatan itu yang akan melemahkan parti," tambah beliau.³⁸

Di samping itu, aktivitis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye berpendapat sebuah kerajaan yang telah membuktikan kejayaan pada masa lalu amat penting untuk menentukan tahap pencapaian pada masa akan datang.

"Kita memerlukan sebuah kerajaan yang telah teruji keupayaan dan mempunyai visi yang dinamik untuk memimpin rakyat ke alaf baru. Memastikan kestabilan politik perlu agar tidak berlaku huru-hara yang akan mengancam pemulihran ekonomi dengan kadar segera," katanya.³⁹

*"It is interesting to speculate on the democracy/ authoritarianism relation not only in Malaysia, but also in UMNO, its dominant political party. It has become a cliché to say that the 'real' elections in Malaysia are the UMNO elections. Actually there are two possible meanings of the statement. The first is that in general elections, under present circumstances, the Barisan is bound to win... The second is that there is more "democracy". In UMNO elections then in general election Democracy without a strong party is meaningless."*⁴⁰

Natijahnya, kata-kata di atas ialah cetusan rasa Perdana Menteri kita, yang memberi serba sedikit pendapat dan idea yang berhubung dengan pilihan raya dan perkaitannya dengan amalan demokrasi yang sering diserapkan dalam setiap siri pilihan raya di Malaysia, termasuk Pilihan Raya 1999. UMNO sejak kemunculannya adalah semata-mata bagi memperjuangkan kedaulatan agama, bangsa, bahasa dan watan. Kebangkitan dan kejayaan UMNO disebabkan kerana sanubari rakyat Melayu dan majoriti rakyat bukan Melayu yang dapat menerima pakai ketuanan Melayu dan kemuliaan Islam. Tidakkah semua ini mencerminkan betapa perlunya UMNO di dalam arena politik Malaysia?⁴¹

Masalah dan langkah-langkah untuk mengatasi prestasi UMNO yang menurun pada Pilihan Raya 1999.

Perjuangan membebaskan diri daripada sisa-sisa penjajahan dalam bentuk ekonomi sesungguhnya lebih hebat dan dashyat daripada perjuangan menuntut kemerdekaan. Buktinya peristiwa 13 Mei 1969 telah menjadi satu peristiwa di mana orang Melayu memperjuangkan ekonominya dengan menggunakan kuasa politik di tangannya.⁴² Hari ini, walaupun pemerintahan British telah lama ‘terkubur’ namun dasar ini masih dipraktik dalam parti politik di Malaysia, misalnya dalam parti politik Melayu yang agak berpuak-puak (*parochial*) seperti perpecahan UMNO, PAS, Keadilan dan sebagainya, ini tidak termasuk parti-parti yang dibolosi oleh bangsa lain seperti DAP, GERAKAN dan sebagainya.⁴³

Sebelum kita kenal pasti masalah kepimpinan orang Melayu, elok kita memperdebatkan sedikit kelemahan asas orang Melayu. Orang Melayu cepat lupa kepada pemimpin yang berjasa kepada bangsa dan negara. Perasaan seumpama ini hanya akan merugikan orang Melayu kerana tanpa penghargaan daripada pemimpin, menyebabkan ‘nilai-nilai timur’ kita semacam disia-siakan sahaja. Akhir-akhir ini barisan kepimpinan Melayu begitu rapuh dan goyah, dan ia boleh menggerhanakan perpaduan dan kekuataan orang Melayu. Bisa dan sangat orang Melayu sudah tawar akibat krisis demi krisis.⁴⁴

Selain itu, orang Melayu kurang mempunyai sifat menolong memajukan bangsa sendiri dan ianya hanya akan merugikan bangsa Melayu. Kenapa banyak peluang-peluang telah diberikan oleh kerajaan kepada kaum Bumiputera, namun mereka masih mundur?. Sikap kebergantungan yang maksima kepada bangsa lain

mencacatkan kegemilangan bangsa Melayu. Tanggapan negatif yang sering membelenggui orang Melayu ialah label yang mengecap mereka pemalas, sudah cukup memedihkan dan semacam ‘membunuh’ secara perlahan-lahan semangat orang Melayu.⁴⁵

Wajarkah label ini diterima pakai dalam menuju abad ke 21? Adilkah orang Melayu mendapat ejekan dan kecaman seumpama ini? Mari kita fikir sejenak?.

Kepimpinan Melayu juga amat kritikal, umpamanya pemimpin UMNO yang dipilih dalam pilihan raya lepas menunaikan janji-janji mereka seperti yang terdapat dalam manifesto menyebabkan kekalahan teruk UMNO Kelantan. Kelemahan pemimpin UMNO ialah sejak pilihan raya 1955, calon UMNO yang menang jarang menjenguk dan mengambil tahu tentang rakyat dan beberapa perkara-perkara yang asas.⁴⁶

Pendapat Timbalan Ketua Perikatan Kelantan, Nik Hassan Nik Yahya:

“ Perikatan kalah bukan kerana dasarnya telah ditolak oleh rakyat Kelantan tetapi kerana rakyat telah terpengaruh oleh penerangan agama dari pemimpin-pemimpin Pas”.⁴⁷

Masalah lain ialah berikutan krisis dalaman iaitu tugas wakil rakyat yang terlalu berat telah serba sedikit mengoncang keikhlasan mereka untuk berkhidmat kepada rakyat. Mereka dihebarkan dengan berbagai-bagai tugas untuk mengatasi masalah orang ramai. Penglibatan begini menyebabkan ada yang merasakan seolah-olah mereka pegawai kebajikan masyarakat hingga menjelaskan kedudukan mereka sebagai Ahli Yang Berhormat dan ini ditambah dengan masalah personel seperti soal kehadiran wakil-wakil rakyat bersidang.⁴⁸

Politik wang turut mengancam politik UMNO, kesan ini dapat dilihat berikut dengan kegiatan lobi-melobi, menggunakan berbagai-bagai cara pujuk-rayu, fitnah-menfitnah dan berpuak-puak, oleh calon-calon bertanding. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir yang mendedahkan amalan yang tidak sihat ini memberitahu bahawa terdapat calon-calon Ketua Bahagian yang sanggup membelanjakan \$100,000 untuk memenangi jawatan tersebut. Sesetengah-sesetengah pemimpin pula menghantar para penyokong mereka di Medan, Tokyo dan menunaikan haji secara percuma.⁴⁹

Sebenar-benarnya politik dan berpolitik sememangnya hak semua dan untuk semua. Malah tiada siapa yang boleh menentukan siapa yang berhak dan tidak berhak terlibat dalam arena politik, begitu sekali terbukanya sifat politik itu. Dalam keadaan ini tidaklah memerlukan hahaha ada lagi ahli politik kita yang menganggap politik adalah hak mutlak mereka.⁵⁰

Tidak perlu digembar-gemburkan lagi, UMNO tidak dapat mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pilihan raya baru-baru ini. Malah bagi kerusi DUN daripada 275 kerusi yang dipertandingkan hanya 175 kerusi yang berhasil dimiliki oleh UMNO. UMNO kehilangan 32 kerusi Parlimen dan 100 kerusi DUN. Adakah keadaan tersebut selamat untuk sesebuah parti.⁵¹

Saranan, Presiden Parti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan kepada semua wakil rakyat yang diberi mandat agar bekerja keras dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh rakyat kepada mereka.

"Kebebasan politik terletak kepada kuasa untuk melakukan apa saja yang tidak memudaratkan orang lain. Penggunaan had semula jadi setiap manusia tidak mempunyai apa-apa had, kecuali had yang perlu untuk menjamin supaya setiap orang lain dapat menggunakan hak yang sama secara bebas. Dan had-had tersebut boleh ditentukan hanya oleh undang-undang." yang telah diulas oleh Tom Paine iaitu Pengajur Demokrasi Eropah.⁵²

Jika diamati, kenyataan ini menunjukkan betapa besarnya pengaruh pengundi untuk menentukan keputusan 'hidup dan mati' sesebuah parti. Ini turut dipersetujui oleh Perdana Menteri kita yang mengingatkan tempoh lima tahun adalah adalah penentu kepada karier politik pemimpin-pemimpin BN dan UMNO. Ramai juga yang melihat, tempoh lima tahun yang diberikan kepada kerajaan adalah tempoh kritikal bagi BN khususnya UMNO untuk memulihkan kembali keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap parti itu. Justeru UMNO perlu mengambil beberapa tindakan drastik bagi memastikan barisan kepimpinan tidak lagi diracuni' oleh lebih 100 ahlinya di katakan menjadi 'gunting dalam lipatan'.⁵³

Majlis Tertinggi UMNO dikatakan akan mengambil tindakan tegas terhadap ahli-ahlinya yang belot semasa pilihan raya lalu temasuk memecat keanggotaan mereka.

"Masa depan orang Melayu bergantung kepada UMNO dan masa depan UMNO pula bergantung kepada tanggungjawab dan disiplin ahli-ahlinya,"⁵⁴ jelas Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa.

Nescaya, jika sebarang tindakan sewajarnya dilakukan, saya percaya UMNO tidak mahu melihat kemelut politik yang melanda Terengganu yang menjadi satu kejutan kepada penyokong UMNO.

"Memanglah ada sedikit hakisan sokongan, kita kena akui. Kalau Terengganu kita tak akalah. Ini satu kejayaan yang membanggakan. Tetapi Tuhan nak tunjukkan kepada kita, nak menyedarkan diri kita bahawa sebagaimana kuat sebuah parti dan komponen BN"⁵⁵

Langkah-langkah yang boleh di terima pakai ialah dengan memantapkan sistem pemilihan pemimpin UMNO agar bersesuaian dengan agenda perjuangan UMNO. Kita tidak mahu pemimpin yang kurang berkaliber dan berkarisma menjadi calon pilihan raya mewakili parti UMNO, dan jika kalah hanya yang

menyalahkan pihak tertentu. Pemimpin yang dibekalkan dengan semangat yang benar-benar waja sahaja dapat menangkis tohmahan pembangkang.

UMNO sewajarnya mempunyai proses memperbaharui diri (*self-renewal*) untuk melahirkan pewaris, ada *refivenasi* dan ini amat perlu untuk negara kita yang bakal menghadapi pilihan raya umum ke-11. Bangsa Melayu dan UMNO sewajarnya mencari bakal pemimpin mereka yang benar-benar berbakat, layak, berwawasan, cekal, meletakkan kepentingan negara di tahap yang lebih tinggi daripada cita-cita dan bukan kekayaan lebih diberikan perhatian, semua ini dijadikan prasyarat penting untuk menentukan sejauhmana layaknya seseorang calon-calon pemimpin yang terbaik untuk menerajui sesebuah parti dan kerajaan.⁵⁶

Pihak-pihak berkenaan jangan bercakap kosong tanpa menjalankan sesuatu dasar dengan sebaik mungkin, pemimpin yang bakal dilahirkan oleh UMNO seharusnya menepati kriteria pemimpin mengiku lunas-lunas Islam.

Kata-kata Saidina Abu Bakar:

"Ikutlah saya selagi saya membawa kebenaran dan tegurlah saya sekiranya ada kelemahan."⁵⁷

Islam mengkehendakkan pemimpin yang mempunyai wawasan ataupun sekurang-kurangnya pewaris wawasan yang ada bagi menghadapi cabaran mendatang. Ini ditambah ketahanan mental yang kental haruslah juga disogokkan dengan keupayaan daya intelektual yang tinggi.

Sudah tentu pemimpin UMNO tidak mahu menjadi seperti Mao Tze Tong yang dikecam hebat akibat kemiskinan rakyatnya, dan hanya dibekalkan sikap karismatik semasa berucap tetapi akhirnya kecundang, perkara yang sama turut terjadi kepada Suharto yang 'terancam' akibat peralihan kuasa yang tidak harmonis

dengan ketandusan kemajuan rakyat. Bersangkutan dengan betapa tingginya moral pemimpin kita scharusnya menjadi pemangkin kemajuan negara.⁵⁸

Pemimpin-pemimpin politik, baik yang sedang menerajui kuasa, maupun yang bercita-cita hendak memegang kuasa, mestilah berusaha mengatasi penentangan golongan elit dan golongan menengah.⁵⁹ Kenapa saya mengenegahkan persoalan ini?. Pada pandangan saya, sebuah negara hanya dapat kukuh dan stabil apabila gabungan elit dan kelas menengah 'duduk satu bumbung' dan bergembung tenaga membangunkan negara, maka tiada perasaan curiga mencurigai yang akan memejaskan hubungan mereka.

Pemimpin perintis UMNO terdiri daripada golongan pemuda, yang menjadi 'tulang belakang' politik negara. Dikatakan bahawa generasi muda daripada kalangan bangsa Melayu, kebanyakannya terpelajar atau 'boleh berfikir' secara kritis tetapi tetap memilih parti lain. Pelbagai persoalan bermain di fikiran mereka. Adakah ini disebabkan parti itu lebih "progresif", lebih pro-rakyat, lebih dinamik, dan sebagainya? Apa puncanya? Proses siasat bedah atau "*post mortem*" yang hendak dilakukan berlandaskan fakta/ kajian yang nasional, yakni yang dapat dipertahankan dari segi bukti empirismenya dan juga dari segi mesej yang mendalam yang mungkin berhubung dengan perubahan, budaya, nilai dan *mentaliti* bangsa Melayu itu sendiri.⁶⁰

Lebih menakutkan, apabila pilihan raya baru-baru ini memperlihatkan terdapat golongan profesional yang lebih mirip golongan belia yang mendokong perjuangan parti pembangkang, umpamanya parti Keadilan adalah bukti pembabitan golongan profesional secara 'terang-terangan'.⁶¹

Alternatif bijak yang boleh dilakukan ialah melalui pendekatan pendidikan yang membolehkan kita membina satu gagasan tentang generasi yang mampu memikul amanah negara dan menjadi warganegara yang setia. Memahami bagaimana politik berfungsi dan apakah had-had dalam politik pula akan menjadikan kita lebih menghargai politik sebagai sesuatu yang indah.⁶² Peranan yang dimainkan oleh golongan guru dan kakitangan telah dikenal pasti sebagai punca kekalahan.⁶³

Di samping itu, golongan penting yang harus didekati ialah pengundi yang kebanyakannya terdiri daripada golongan kelas menengah yang wajar dilayan seperti 'Raja'. Ada pendapat yang mengatakan pengundi kita 'tamak' dan terlalu mengutamakan kepentingan diri sendiri, tidak kurang yang berpendapat pengundi kita 'ketinggalan zaman', 'tidak memandang jauh ke depan' dan telah dituduh berat sebelah, tidak mengenang budi dan tidak setia, jarang pula kita mendengar pengundi kita berakal, matang, bertanggungjawab dan berintegriti.⁶⁴

UMNO sewajarnya boleh membaca rentak dan buah fikiran pengundi yang sering berubah-rubah dan selalunya dikuasai oleh emosi. Pemimpin dan calon UMNO yang dipilih seharusnya dapat menyelami naluri orang ramai sebaik mungkin.

"... para pemimpin kita harus ingat, dengan segala perubahan nilai yang menimbulkan sikap baru, mereka kini bukan sahaja harus bersedia dicabar secara terbuka, malahan terpaksa menjawab segala rasa tidak puas hati rakyat dengan lebih serius. Oleh itu, mereka hendaklah ada pembaharuan cara bertindak agar sesuai dengan masyarakat hari ini yang semakin kompleks sifatnya.

Jika rakyat tidak senang dengan sikap pemimpin, mereka akan semakin menjauhkan diri mungkin mengasingkan diri terus daripada dunia politik. Memprotes pemimpin yang tidak disenangi secara begini amatlah buruk padahnya. Pemimpin kita harus menerima keadaan ini sebagai satu amaran kerana tanpa penglibatan mereka ini dalam menentukan kepimpinan pasti merugikan negara keseluruhannya."⁶⁵

Melalui wawancara yang dijalankan oleh wakil *Dewan Masyarakat*, Ahmad Yan Abdul Manaf dengan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, mengatakan:

"Pemimpin UMNO tidak boleh mengabaikan dan mengenepikan mereka sewenang-wenangnya (rakyat), mereka telah memberi, isyarat dalam pilihan raya lalu bahawa banyak perkara yang mereka tidak puas hati dan 'isyarat' itu kita tidak boleh biarkan begitu sahaja.

Dalam keadaan sekarang, UMNO memerlukan seorang pemimpin sepenuh masa yang boleh memikirkan masalah-masalah dalam parti, tanpa diganggu dengan tugas rasmi kerajaan."⁶⁶

Musibah yang melanda UMNO dalam pilihan raya ke-10 baru-baru ini berpunca daripada laporan mengenai ahli-ahli UMNO yang belot, ditambah dengan kelewatan hampir semua tindakan yang diambil, umpamanya penubuhan jawatankuasa UMNO bagi menangani fitnah yang dipengerusi oleh Datuk Ibrahim Ali tidak memberi impak yang besar kepada pembangkang kerana mereka telah bermula sejak dahulu lagi.⁶⁷

Pokoknya, pembasmian orang UMNO yang belot adalah amat penting, kerana mereka ini menjadi 'musuh dalam selimut' yang kemudian akan menikam kawan daripada belakang. Berikut adalah pendapat bekas Timbalan Perdana Menteri kita, Abdul Ghafar Baba tidak menyangkal tentang perkara ini:

"... Setiap kali pilihan raya perkara seperti itu berlaku. Tetapi pilihan raya kali ini menyaksikan jumlah tersebut agak ramai. Ini mungkin kerana mereka silap saham dengan dakyah parti pembangkang atau disebabkan mereka tidak senang hati dengan calon yang dipilih atau disebabkan kerana mereka tidak dicalonkan,' jelasnya.

Kenyataan di atas turut disokong oleh Najib yang tidak menafikan wujud ahli-ahli UMNO yang tidak bersungguh-sungguh dan tidak membuatnya semasa pilihan raya ekoran kecewa di atas pemilihan calon, tidak kurang yang kecewa kerana tidak dicalonkan".⁶⁸

Realitinya, para pemimpin dan ahli-ahli UMNO perlu mewujudkan *rappor* dengan orang ramai sehingga tidak ada perasaan bahawa UMNO adalah sebuah parti untuk orang-orang tertentu sahaja. Atas alasan itu, pemimpin harus menunjukkan bahawa pemimpin mempunyai persamaan dengan orang ramai. Interaksi dengan rakyat harus diadakan melalui dialog-dialog parti, pejumpaan-perjumpaan antara tokoh-tokoh parti dan orang-orang yang berpengaruh dalam

masyarakat, keramaian-keramaian bagi merayakan hari-hari kebesaran agama kita dan lain-lainnya. Kegiatan-kegiatan ini tidak akan diganggu oleh rakyat yang merasakan UMNO tidak betul.⁶⁹

Wajar dijalankan langkah-langkah dan peraturan yang bijak untuk memastikan Yang Berhormat (YB) peka dengan tugas mereka. Seperti yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, wakil rakyat walaupun datang, akan membuang masa duduk di lobi atau bersempang serta minum di kafetaria dan langsung tidak mahu terhabit dalam perhiasan, hanya ingin mendapat elau. Mungkin imbuhan yang diterima oleh mereka tidak cukup untuk menarik hal rakyat ini berkhidmat sepenuh masa dan menghadiri persidangan negeri dan Parlimen. Tetapi mereka boleh menjalankan perniagaan apabila tidak bersidang dan jika tidak hadir mereka tidak tahu perkara yang dibincangkan, khususnya pengundi. Mereka ini kekal menjadi wakil rakyat yang ketinggalan dalam kerjaya politik, dan tiada peningkatan.⁷⁰

Garis panduan yang perlu diikuti ialah:-

- mempunyai kepentingan dalam perniagaan milik kaum keluarganya;
- menjawat sebarang jawatan dalam perniagaan;
- membabitkan diri dalam sebarang perbincangan membabitkan keluarga masing-masing; dan
- Mesti memaklumkan dan keluar dari mesyuarat jika ada perbincangan yang ada hubung kait dengan masing-masing.⁷¹

Strategi lain yang boleh dijalankan oleh UMNO ialah pemantapan program agama untuk menawan dua buah negeri yang terkenal dengan soal

agama iaitu Kelantan dan Terengganu. Usaha pemantapan harus dikemaskinikan, keupayaan penceramah menjadi persoalan? Bersediakah mereka berhadapan dengan golongan yang sudah disogok dengan itu benar, itu salah? ⁷² Sewajarnya kerajaan mengiatkan usaha untuk mengelakkan masjid dan surau dijadikan tempat menabur fitnah dan pembohongan demi kepentingan politik, masjid adalah tempat beribadat dan sewajarnya ianya dicemari oleh fitnah dan pembohongan bagi kepentingan politik, masjid seharusnya digunakan sebagai tempat menunaikan ibadat dan mencari ilmu agama. Ceramah merupakan salah satu medium penerangan yang sangat berkesan bagi memberi penerangan kepada masyarakat luar bandar yang kurang terdedah kepada penerangan yang dilakukan melalui media massa.⁷³

Sebagai penghayatan bersama, pemimpin UMNO seharus ‘kuat’ dan berupaya untuk menyampaikan ceramah dengan sebaik mungkin agar tidak ketinggalan daripada pembangkang. Mari sama-sama kita hayati saranan Perdana Menteri kita:-

“Jangan takut kalau diboo. Kita sudah praktis di dewan ini. Bila orang boo tak jadi apa. Boo. Tak sakit pun. Kata lagi sekali. Kata boo 100 kali pun, saya duduk di sisi juga.”⁷⁴

Berikut pendapat Ketua Penerangan UMNO iaitu Datuk Mustapa Mohamed:

“Kita nak pastikan orang kita ada kemampuan untuk menyerang balik dengan menambah bilangan penceramah yang mampu memberi penjelasan (terhadap isu-isu yang dibangkitkan),” katanya⁷⁵

Agama Islam akan terpelihara jika peruntukan perlembagaan berkenaan kuasa Raja-raja terhadap agama Islam di Malaysia dihormati dan dikuatkuasakan. Masanya sudah tiba untuk Raja-raja dan penasihat agama Islam bukan setakat menentukan bila berpuasa dan raya, tetapi juga bekenaan dengan menyelamatkan Islam di Malaysia daripada ajaran dan fatwa palsu yang menyesatkan.⁷⁶

Perhimpunan Agung UMNO 2000 meluluskan usul agama yang mengandungi empat perkara setelah membahaskannya selama dua hari. Empat perkara tersebut ialah:

- Mendokong usaha-usaha kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dalam pembangunan umat dan syiar Islam, yang maju dan progresif dengan memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.
- Memantapkan lagi kefahaman dan kepercayaan penghayatan Islam di pelbagai peringkat dalam masyarakat serta memperbaikkan program keagamaan kearah mengembangkan pemikiran Islam yang progresif, dinamik dan matang.
- Memperteguhkan kerjasama di antara ulama dan umarak bagi mengerakkan proses pembaharuan pemikiran di kalangan umat Islam yang sebenar untuk membendung gejala ketaksuhan, melampau dan mundur.
- Mendesak kerajaan mengambil langkah-langkah tegas dan berkesan untuk membendung dan mengekang kegiatan golongan radikal dan pendokong budaya negatif yang memperalatkan Islam demi memelihara kesucian akidah Islam, keutuhan masyarakat dan keselamatan negara.⁷⁷

Di dalam perlumbaan UMNO sendiri, Islam adalah objektif penting yang diberi penekanan sebeginit kuat, ianya lahir dari kehendak orang yang telah menyokong UMNO berpuluh-puluh tahun. Ternyata, ianya bukan direka untuk mengaburi mata orang ramai bahawa UMNO mempunyai sifat Islamnya. UMNO memang Islam dan dibawah terajunya juga agama Islam dipentingkan. Dasar kerajaan UMNO untuk memperjuangkan Islam dengan mementingkan isinya yang

luhur dan aspek-aspek yang progresifnya. Langkah-langkahnya adalah sederhana supaya tidak berlaku permusuhan dengan agama-agama lain.⁷⁸

Selain itu, bagi menangani masalah perluasaan ceramah Pas, bukan hanya sekatan malahan strategi juga harus dikemaskinikan. Pas harus mempersoalkan isu-isu relevan, tidak wajar mempersoalkan hal-hal mengikut perspektif sendiri. Politik dan agama memang tidak boleh dipisahkan tetapi harus bersetujuan dengan konteks yang mendasarinya. Khutbah Jumaaat seharusnya menjurusnya kepada memperteguhkan ukhuwah Islamiah tetapi kalau dalam khutbah pun ditarbiyahkan perpecahan, ini semua akan membawa kepada ketidakserasan parti.⁷⁹

Dianggarkan kira-kira 90 peratus surau dan masjid di seluruh negara masih lagi digunakan oleh Pas sebagai tempat menabur fitnah terhadap kerajaan, walaupun selepas berakhirnya pilihan raya umum pada 29 November 1999. Perangkaan ini berdasarkan aduan orang ramai yang diterima oleh Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi yang menunjukkan kegiatan menyalahgunakan surau dan tempat ibadat masih terus berlaku. Sebelum pilihan raya lalu, di samping ceramah di rumah orang persendirian, Pas menggunakan masjid dan surau sebagai medan politiknya.

"Aduan yang saya terima daripada orang ramai membuktikan rakyat kini sudah menyedari sikap pembangkang yang sering menyalahgunakan tempat ibadah.

Ia menunjukkan strategi Pas menggunakan agama semakin tidak diterima oleh mayarakat," kata Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong.⁸⁰

Kuasa politik Islam yang ada di dalam UMNO dan semua yang terlibat di dalam pentadbiran Islam harus tegas dan berani untuk mengambil tindakan yang berkesan, bermula daripada tahap-tahap awal. Langkah-langkah yang tegas, berani dan bersungguh-sungguh hendaklah di ambil untuk memperjelas, mengukuh dan

menyerlahkan kedudukan UMNO sebagai wadah perjuangan bagi menegakkan Islam dalam semua bidang kehidupan dan menghapuskan imej sekular, materialistik dan asabiah yang dilabelkan kepada UMNO. Konvensyen Ulang Tahun ke 50 UMNO menuntut agar kepimpinan di dalam UMNO perlu diikat dengan satu etika kepimpinan yang berdasarkan kepada nilai-nilai murni Islam. Kepimpinan UMNO di semua pangkat haruslah iltizam kepada etika tersebut secara sedar dan jujur.^{x1}

Penyertaan orang Melayu dalam politik harus diteruskan bagi memastikan kepentingan dan kedudukan orang Melayu terus terjaga dan mengelakkan daripada diganggu gugat oleh bangsa lain. Perbezaan parti politik orang Melayu tidak harus dijadikan alasan untuk mewujudkan perpaduan dan perhubungan baik sama orang Melayu. Ideologi perjuangan wajar ditegakkan dan penyatuan berlandaskan Islam supaya membela orang Melayu dapat diterima oleh keseluruhan masyarakat Melayu.^{x2}

Bagi saya perkara asas yang perlu diselesaikan ialah mengatasi fitnah dan rasuah, UMNO sudah mengenal pasti fitnah adalah antara punca utama mengapa undi Melayu yang diterima parti itu berkurangan. Sebagaimana untuk menyebarkan fitnah memerlukan kerja kuat untuk dipercayai ramai, cara yang sama juga diperlukan bagi menangkisnya. Mulai sekarang UMNO perlu bertukus lumus mematikan kempen membencinya, UMNO mesti mengubahsuai pendekatan, gerak kerja, cepat peka dan pro-aktif. Ahli dan pemimpin UMNO di semua peringkat mesti dibekal senjata ampuh menangani fitnah. Jika sekarang tidak ada orang Melayu daripada kanak-kanak hingga kepada dewasa terjebak dengan *campaign of*

hate ini. Selain itu, usaha menarik semula pengundi Melayu kepada UMNO mesti dibuat secara sistematis dan menyeluruh.⁸³

Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyalahkan sikap orang Melayu yang tidak mengenang budi, gejala fitnah dan rasuah sebagai punca sokongan yang menurun terhadap Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum baru-baru ini. Di dalam halaman kolumn bulanannya di akhbar *Mainichi Daily News* di sini, Perdana Menteri menyela lantang Pas dan kesan liberalisme barat yang katanya menular dan disebarluaskan oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya tidak pasti ini dapat dibekalkan selamanya. Pilihan raya terbaru menunjukkan penipuan dan rasuah serta janji palsu untuk hari akhir boleh menjamin kerusi dan meletakkan orang tidak berprinsip untuk berkuasa", katanya.⁸⁴

Pemuda dan wanita UMNO bolehlah mendekati belia dan generasi muda.
Pemuda dan belia adalah golongan pelapis yang memahami intipati, asas, dasar dan perjuangan UMNO. Mereka mestilah bersedia dan turun padang menyampaikan pandangan, berdialog, berhujah dan menerangkan wawasan perjuangan parti.⁸⁵

Rasuah seharusnya ditangani bagi memastikan pentadbiran negara dilaksanakan secara bersih, amanah dan jujur dan ini turut dipersetujui oleh Timbalan Perdana Menteri :

"keputusan ini penting kerana rasuah jika merebak, akan menjadi barah dan akan melemahkan kerajaan yang sekali gus khidmat untuk rakyat akan terjejas".⁸⁶

Kerajaan seharusnya mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi mengelakkan penipuan dan jenayah kolar putih.

"Untuk memastikan tidak berlaku penyelewangan dan penipuan seumpama, pegawai-pegawai yang terbabit akan diberi kursus sepenuhnya," selar Timbalan Perdana Menteri.³⁷

Perkara pokok yang penting ialah kesedaran yang ada di kalangan semua ahli UMNO, perasaan dan semangat seumpamanya perlu sebagai tanda taat setia dan berterima kasih kita terhadap sumbangan besar UMNO. Adakah UMNO memerlukan perubahan berbentuk reformasi?. Sesetengah yang berpendapat bahawa UMNO tidak memerlukan reformasi, perubahan yang sewajarnya ialah melibatkan hati dan sanubari sesetengah ahli dan pemimpin iaitu keikhlasan, sentiasa sabar dan bersyukur sekiranya tidak berjaya dipilih untuk menduduki sesebuah kerusi dan yang paling penting ialah tidak menjadi hamba wang.

"Kita harus ingat, wujudnya parti-parti Melayu yang lain di Malaysia ini adalah asalnya daripada ahli-ahli dan pemimpin yang kecewa dan dendam dengan UMNO dan perkara ini jangan diulangi dan tidak patut diulangi. Bukanakah berpolitik dan berjuang dalam parti iyu hanya kerja sukarela semata-mata dengan niat untuk berbakti kepada bangsa dan negara. Kalau kita tidak dapat menerima kenyataan ini berhenti saja dari arena politik, kerana sudah tentu kita tiada akan membawa faedah untuk rakyat cuma faedah kelompok tertentu."³⁸

Realitinya, langkah-langkah *imaginatif* yang diambil oleh UMNO, lambat-laun akan meninggalkan kesan-kesannya ke atas seluruh rakyat. Rakyat dapat melihat yang UMNO benar-benar jujur untuk membela kedudukan mereka seboleh-bolehnya dan seterusnya akan lahirlah sokongan yang kuat kepada parti. Usaha untuk meningkatkan pembinaan minda yang disyorkan daripada aspek gagasan dan matlamat perjuangan melalui Konvensyen Ulang Tahun UMNO di PWTC pada 11 Mei 1996. Antara saranan itu ialah:

1. Melipat gandakan usaha mempertingkatkan pembinaan minda bangsa supaya lahirlah bangsa yang kreatif dan inovatif, saintifik, berdaya saing, bordaya maju, berilmu, berketrampilan, berfikiran strategik, berpandangan jauh, sekali gus menyuburkan nilai-nilai murni serta semangat keserumpunan, supaya bangsa Melayu-Bumiputera bersatu padu dan bergerak maju bersama kelompok etnik lain di negara ini serta meletakkan dirinya di barisan hadapan bersama-sama bangsa-bangsa lain yang termaju di dunia.
2. Meneruskan segala usaha memupuk jati diri Melayu-Bumiputera dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu dan berteraskan Rukunegara serta dasar-dasar negara berkaitan dengan pendidikan, bahasa, kebudayaan. Sehubungan itu segala perancangan dan perlaksanaan program

pembinaan bangsa akan dipastikan menuju kearah pembentukan negara makmur yang direndai ALLAH serta kearah mewujudkan kepimpinan, pengurusan, perancangan, pelaksanaan yang berteraskan prinsip Islam dalam semua bidang.

3. Membantu kerajaan mengemas kini, meningkat serta memperhebatkan proses dan pemantapan agenda Melayu dalam ekonomi, perdagangan, pendidikan, bahasa, sosio budaya dengan memastikan kuasa politik yang ada terus menerus digunakan untuk menjamin kejayaan misi besar dalam bidang berkeraan; dan

4. Menerima tujuh prinsip sebagai etika kepimpinan UMNO iaitu keimanan kesetiaan, kejujuran, keadilan, keberanian, keterbukaan, dan kebijaksaan.”⁸⁹

Kesimpulannya, UMNO perlu dimantapkan dan berdaya saing bagi membolehkan ia terus kukuh di mata masyarakat Melayu dinegara ini. Peristiwa hitam yang berlaku dalam pilihan raya baru-baru ini sebagai pengajaran dan ada kebaikan disebaliknya, yang pasti ketataan yang tidak berbelah bahagi dengan rasa tanggungjawab bersama perlu ada di hati kita, jangan mudah membuat tanggapan negatif terhadap UMNO sebelum tahu perkara disebaliknya. Bagi ahli seumur hidup UMNO haruslah menyelami dan menjiwai slogan *Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat UMNO* sedalam mungkin, agar tidak berlaku salah faham. Adalah sukar untuk memelihara kerukunan parti UMNO tanpa kerjasama daripada ahli-ahlinya. Ikuti dua kata amanat Perdana Menteri kita yang boleh dijadikan panduan yang berguna kepada kita:

“Hentikan perebutan jawatan, utamakan pengabdian diri kepada bangsa, agama dan tanah air. Bersyukurlah dengan nikmat Tuhan. Perjuangan untuk diri sendir tidak kekal. Hanya perjuangan untuk bangsa, agama dan tanah air kekal, yang lebih bermakna.”⁹⁰

“... Ini berkat dari perpaduan dan kerjasama yang ada di kalangan ahli-ahli semua anggota UMNO... kebebasan tanpa had tidak menjamin kekayaan. ...”⁹¹

NOTA HUJUNG

1. *Mingguan Malaysia*, Disember 1999
2. *Mingguan Malaysia*, Disember 1999
3. Daud Ibrahim, *Arkitek Negara: hero bangsa: Dr. Mahathir Mohamad*. Wajah Kota, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 8
4. MASSA, 25 Disember 1999, 'Cabaran Ketua Pembangkang', hlm. 10.
5. MASSA, 25 Disember 1999, Baharom Mahusin, 'Fadzil Noor dan rakan-rakan', hlm. 28.
6. *Ibid*, hml 28
7. *Ibid*, hml 29
8. MASSA, 25 Disember 1999, Muhd Zuki Pileh, 'Bayang-bayang kabinet Pas', hlm. 18
Pembangkang kurang memahami peraturan semasa Dewan Rakyat. Perkura 35 (5) dalam peruntukan masa dan cara bercakap peraturan tersebut menyebut seseorang ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam sesuatu masalah kecuali dalam persidangan jawatan kuasa atau bagi menerangkan sesuatu hal seperti yang ditetapkan. Lihat MASSA, 25 Disember 1999, 'Belanjawan 2000 Tahun Dewan', hml. 16.
9. MASSA, 25 Disember 1999, Hassan Noor dan Siti Muriam Md. Zain, 'Ketua pembangkang uji Kuasa', hml. 15.
Pada 1959, ahli Dewan Rakyat berjumlah 106, bertambah kepada 144 pada 1969, 1974 menjadi 154 orang, 1990 menjadi 180 orang dan tahun 1999 menjadi 193 orang. BN dengan 148 kerusi, parti pembangkang terus menambahkan kerusi. Lihat MASSA, 25 Disember 1999, Ben Adam, 'Tersepit dalam kesamaran undang-undang', hml. 12.
10. *Mingguan Malaysia*, 12 Mac 2000
11. *Mingguan Malaysia*, 12 Mac 2000.
12. *Mingguan Malaysia*, 12 Mac 2000.
13. *Mingguan Malaysia*, 12 Mac 2000.
14. *Mingguan Malaysia*, 2 April 2000.
15. *Mingguan Malaysia*, 2 April 2000.
16. *Mingguan Malaysia*, 2 April 2000.
17. *Mingguan Malaysia*, 2 April 2000.
18. *Mingguan Malaysia*, 28 Mei 2000.
19. *Mingguan Malaysia*, 28 Mei 2000.
20. *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000.
21. *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000.
22. *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000.
Jika di semak sejarah pemilihan UMNO, bekas Presiden (S46), Ku Li itu tidak pernah menang dalam pertandingan dua jawatan tertinggi UMNO. Beliau pernah dua kali bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981 dan 1984, tetapi kalah di tangan Tan Sri Musa Hitam, kemudian, pada tahun 1987, beliau berudu tonaga dengan Dr. Mahathir Mohammad dan Tun Ghafar Baba. Apabila kalah, para penyokongnya membawa kes itu ke mahkamah dan akhirnya riwayat UMNO terkubur pada April 1988. Lihat *Mingguan Malaysia*, 12 Mac 2000.
23. *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000.
24. *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000.
25. *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000.
26. Chamli Wariya, *Pemilihan UMNO 1996, profil, rekod dan prestasi calon-calon Naib Presiden*, IKSE, Konsul Trend Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1996, hml. 160.
27. *Utusan Malaysia*, 10 Mei 2000.
28. *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2000.
29. *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2000.
30. *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2000.
31. *Mingguan Malaysia*, 14 Mei 2000.
32. *Mingguan Malaysia*, 14 Mei 2000.
33. *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2000.
34. *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2000.
35. *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2000.

-
36. MASSA, 27 November 1999, Baharom Mahusin, 'Memastikan Malaysia terus kukuh', hlm. 32.
37. MASSA, 20 November 1999, 'Pilih Rekod bukan janji', hlm. 16.
38. *Ibid.*, hlm. 16
39. *Ibid.*, hlm. 17
40. R S Milne, Diane K Mauzy, *Malaysia politics under Mahathir*, Routledge, New York, 1999, hlm 41 *Mingguan Malaysia*, 16 April 2000
42. Ahmad Atory Hussain, *Kepimpinan masa depan. Berakhirnya dilema Melayu*, Kumpulan Karang Kraf Sd. Bhd., Kuala Lumpur, 1987, hlm. 71.
43. *Ibid.*, hlm. 72.
44. *Ibid.*, hlm. 72.
45. *Ibid.*, hlm. 75
46. Rosmaini binti Yusof, "Sejarah penubuhan dan perkembangan UMNO Kelantan : 1946-1990", tesis BA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 154.
47. *Ibid.*, hlm. 151
48. *Dewan Masyarakat*, Mei 1985, Amir Tan, 'Tugas Wakil Rakyat' hlm. 42-43.
49. *Dewan Masyarakat*, Julai 1985, Ahmad Zafrin, 'Wang Mengancam politik UMNO', hlm. 20
50. *Dewan Masyarakat*, Oktober 1990, Dr. Shamsul Amri Baharuddin, 'Politik Hak semua dan untuk semua', hlm. 7.
51. MASSA, 25 Disember 1999, Nor Shamsinor Baharin, 'UMNO Lewat Bertindak', hlm. 24.
52. Ramly Abu, *Kualiti Kepimpinan suatu perspektif dalam ketokohan*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1991, hlm.
53. Nor Samsinor Baharin, *op. cit.*, hlm. 24.
54. *Ibid.*, hlm. 24.
55. MASSA, 25 Disember 1999, 'Hishamuddin 'lewas Diuji', hlm. 30.
Alasan pihak pembangkang bahawa 650,000 orang daftar pemilih baru tidak diterima masuk dalam pilihan raya ke 10, jika tidak pasti, BN gagal menempah tempat yang sedap untuk menawan 2/3 undi.
56. *Mingguan Malaysia*, 16 April 2000, Abdullah Ahmad, 'Kukuhkan kuasa bangsa kita', hlm. 10.
Beliau turut menambah, UMNO sentiasa membaca, melihat serta menilai keadaan dan arus politik dan minda Melayu. Ianya perlu bertindak tegas mengikut keperluan dan tuntutan situasi.
57. MASSA, 13 November 1999, S. Irfan, 'Ciri-ciri kepimpinan unggul', hlm. 62.
58. *Ibid.*, hlm. 62.
59. Samuel P. Huntington, Joan M. Nelson (terjemahan Hassan Ahmad), *Sukarnya membuat pilihan, penyertaan politik di negara membangun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1986.
60. *Dewan Masyarakat*, Februari 2000.
61. MASSA, 25 Disember 1999, Rohaiza Ismail, 'Arus Kepimpinan Profesional' hlm. 22.
Lihat sahaja Naib Presiden Keadilan ialah Dr. Chandra Muzaffar merupakan tokoh akademik haluan kiri yang terkenal, pakar ekonomi, Jomo K. Sundram, ahli agama Dr. Badrul Amin dan peguam, Marina Yusoff. Pas pula membariskan calon-calon Dr. Hatta Md. Ramli, Dato Shahnon Ahmad, Datuk Dr. Hassan Ali, Dr. Aziz Hanafi dan ramai lagi.
62. *Dewan Masyarakat*, Mac 2000, Nizam Rahim, 'Perlukan politik diperkenalkan dalam pendidikan', hlm.
63. *Dewan Masyarakat*, April 2000, Dato' Seri Syed Hamid Albar, 'Untuk menarik sokongan guru dan Mahasiswa program UMNO perlu lebih dinamik', hlm.
Jika tidak dibendung, nescaya pelbagai insiden yang tidak sedap dilihat akan berlaku seperti Perhimpunan Black 14, yang diadakan untuk menyambut ulang tahun pertama penahanan Anwar Ibrahim dan ianya diselenggarakan oleh Parti Keadilan Nasional. Polis menahan tiga pemimpin utama Keadilan laju Mohd. Ezam Mod Noor (Ketua Pemudanya), Ruslan Kassim (Ketua Penerangan) dan N. Gobalakrishna (Penolong Setiausaha Pemuda).
64. *Dewan Masyarakat*, Ogos 1988, Dr. Shamsul Amri Baharuddin, 'Pengundi oh pengundi', hlm.
65. *Dewan Masyarakat*, November 1999, N.Z. Abidin, 'Yang bijak pengundi', hlm.

-
66. *Dewan Masyarakat*, Mac 2000, Ahmad Yan Abdul Manaf, Wawancara yang dijalankan oleh wakil *Dewan Masyarakat*, Ahmad Yan Abdul Manaf dengan Tan Sri Mohammad Muhammad Taib, hlm.
67. Norshamsinor Baharin, *op. cit.*, hlm. 25
68. *Ibid*, hlm. 24
- 69 Mohd Wan Mahyuddin, *Politik UMNO dan isu nasional satu perubahan*, Pustaka Cipta Sdn Bhd, Subang Jaya, 1987, hlm.
70. *Berita Harian*, 25 Disember 1999.
- Ahli-ahli politik kita selepas dilantik sebagai wakil rakyat, tidak bersedia meninggalkan sepenuhnya profesian mereka sebelumnya dan disebabkan gagal menghayati tugas dan kedudukan sekarang sebagai ahli politik sepenuh masa, kebanyakannya gagal memberi untuk berkhidmat satu program yang tidak kurang penting ialah sistem pusingan kawalon Kualiti(GCC) yang dirasakan perlu diaktifkan.
71. *Berita Harian*, 15 Disember 1999.
72. *Risalah Informati UMNO*, hlm.
73. *Mingguan Malaysia*,
74. *Mingguan Malaysia*, 14 Mei 2000.
75. *Mingguan Malaysia*, 26 Jun 2000.
76. *Utusan Malaysia*, 15 Disember 2000.
77. *Mingguan Malaysia*, 14 Mei 2000.
78. Wan Mohd Mahyuddin, *op. cit.*, hlm
- 79 *Mingguan Malaysia*, 16 April 2000.
80. *Berita Harian*, 12 Disember 1999.
81. *Konvensyen Ulang Tahun- 50 UMNO*, 1996, Kuala Lumpur, hlm. 19.
82. Zainuddin bin Mamat, "Masyarakat Melayu dan politik, satu tinjauan dari perpaduan dan perpecahan berdasarkan pengaruh Pas dan UMNO kajian kes di IDUN Teluk Pasu, Terengganu", Jabatan Antropologi dan sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999 hlm. 93-94.
83. *Berita Harian*, 21 Disember 1999.
84. *Berita Harian*, 15 Disember 1999.
85. *Berita Harian*, 15 Disember 1999.
86. *Berita Harian*, 25 Disember 1999.
87. *Berita Harian*, 25 Disember 1999.
88. *Utusan Malaysia*,
89. *Konvensyen Ulang Tahun- 50 Tahun UMNO*, 1996, *op. cit.*, hlm. 27.
90. *Dewan Masyarakat*, Mei 2000, Ramlan Abdul Wahab, 'Sempena Perhimpunan Agung UMNO 2000-menghayati semula dasar perjuangan', hlm. 32.
91. Faridah binti Jaafar, "Suatu analisis tentang pemikiran politik Mahathir dalam kerangka Wawasan 2020 ditinjau dari perspektif Islam", Ijazah Sarjana Universiti Ujung Padang, 1996, hlm.

Kesimpulan

"Perjuangan UMNO yang berterusan ternyata bertujuan untuk mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan demokratik. Kita bercita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa aman, rakyatnya hidup maju dan makmur dengan pemerintahan yang direndai Allah S.W.T. Sekiranya kita mahu Malaysia menjadikan Malaysia salah sebuah negara contoh yang disegani dalam dunia, marilah kita berganding bahu, berkerjasama sepenuh hati, sepanjang masa."¹

Jika diamati petikan di atas, jelas menunjukkan UMNO merupakan parti politik Melayu yang unggul sejak awal penubuhannya, ianya berterus-terusan membela nasib bangsa Melayu yang pada mulanya tertindas di tanah air mereka tersendiri. Jika direnungi sejenak, jasa yang dilakukan oleh parti ini, pasti hati kita tersentuh dengan usaha pertama mereka menentang *Malayan Union* yang mengancam kestabilan Tanah Melayu.

UMNO sentiasa menitikberatkan kerjasama antara orang Melayu dan orang bukan Melayu kerana kerjasama ini perlu diteruskan untuk membanggunkan negara ini dan mengekalkan kestabilan negara. UMNO yang ditubuhkan oleh orang Melayu telah mengamalkan dasar kebangsaan yang luas untuk kita memperhitungkan juga nasib orang-orang bukan Melayu, dasar ini ikhlas dan bukannya berpura-pura, namun perpecahan masih berlaku dikalangan pemimpin dan penyokong UMNO, berikutnya tiada perasaan muafakat antara mereka.²

Sejak daripada kemerdekaan, UMNO mantap dan kuat kerana pemimpinnya yang boleh bersatu hati dan bekerja semata-mata untuk kepentingan rakyat. UMNO mestи menunjukkan keupayaannya membawa perubahan yang boleh

menjadikan negara ini bertambah maju di mana rakyat dapat hidup dengan selesa dan aman.³

Menjurus kepada Pilihan Raya 1999 dan keputusanya telah memberi satu gambaran jelas betapa rakyat Melayu mahukan perubahan teraju kepimpinan yang dirasakan selama ini tidak relevan. Pilihan raya ini telah dijalankan seperti pilihan raya lain tetapi ianya mungkin tidak sesengit pilihan raya 1969 dan 1990. Kedua-dua siri pilihan raya ini telah mengancam kedudukan BN terutama UMNO. Parti yang berdiri teguh dengan manifestasi perjuangan yang mantap. UMNO mampu bangun dan menerajui politik. Rakyat Malaysia tidak kira bangsa dan agama masih mempercayai kewibawaan kepimpinan BN. Sejak Perikatan ditubuhkan dan digantikan oleh BN, ternyata ianya telah menaikkan semangat perpaduan yang tinggi agar dapat hidup tenteram dalam negara Malaysia yang tercinta.

Majoriti undi UMNO yang merosot dalam Pilihan Raya 1999 telah membimbangkan ramai pihak, terutamanya pemimpin dan peyokong UMNO yang ketandusan tunjuk ajar kepimpinan UMNO. Parti UMNO kecundang dengan taktik-taktik parti pembangkang yang bergabung secara berkesan dalam Barisan Alternatif (BA).

BA ditubuhkan sebagai tanda protes terhadap kepimpinan UMNO dan BN yang dikatakan tidak begitu mempedulikan perihal politik dan kedaan pemerintahan negara. BA yang dimonopoli oleh tiga komponen parti pembangkang yang terkenal iaitu PAS, DAP dan Keadilan telah bertukus lumus mengubah mood orang Melayu negara ini untuk mengundi parti pakatan mereka. Gabungan yang dianggap praktikal ini secara tidak langsung telah menjatuhkan prestasi UMNO.

BA mantap kerana bijak memanipulasikan isu-isu yang membelengui senario politik negara ini dan memanfaatkan strategi-strategi yang telah dirancang oleh mereka sejak dahulu lagi.

Parti pembangkang Pas amat beruntung dalam pilihan raya kali ini kerana sokongan padu daripada penyokong mereka. Malang bagi DAP yang menyaksikan kejatuhan dua orang pemimpin *gergasinya* iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh. Ternyata gabungan parti pembangkang ini ada yang mendatangkan manfaat dan ada yang sebaliknya.

Pencapaian 148 kerusi daripada jumlah keseluruhan 193 kerusi Parlimen, BN mengatasi jumlah kerusi 132 kerusi pada 1995, tetapi nasib UMNO agak tidak baik apabila kerusi Parlimen dan DUN merosot 16 kerusi. UMNO perlu melihat faktor dalaman yang menyebabkan kemerosotan undi, antaranya ialah krisis dalamannya, calon tidak bersatu hati, jentera parti tidak agresif dan UMNO juga dilanda sindrom mengambil mudah dengan apa yang dilakukan oleh pembangkang.

Perpaduan adalah pokok persoalan terpenting bagi mengatasi masalah kemerosotan prestasi UMNO. Di dalam UMNO, perpaduan bertambah baik tetapi dengan kewujudan parti pembangkang maka perpaduan yang dipupuk sejak dahulu agak tergugat. UMNO tidak boleh bersandarkan kepada imejnya sebagai parti kebangsaan dan kejayaan cemerlang pemimpin terdahulu, namun matlamat yang relevan harus dibentuk dan ianya seharusnya bersesuaian dengan era kini. Rintangan yang dihadapi oleh mereka bolchlah dianggap sebagai sesuatu yang membanggakan dan sewajarnya diambil siktibar daripada insiden tersebut.

Biarpun kemerosotan prestasi UMNO di negeri pantai timur, namun ini bukanlah bermakna pihak pembangkang telah mengambil tempat UMNO. UMNO tetap ada perminatnya dan ianya seharusnya dibalasnya dengan baik kerana curahan jasanya yang tidak termilai.⁴ Pada saya, apalah salahnya jika PAS dan UMNO bergembung tenaga demi masa depan bangsa Melayu, umpamanya Pas semasa dibawah Dr.Burhanuddin hanya mempunyai satu hasrat iaitu untuk melindungi rumpun Melayu dan perkara ini diteruskan oleh Haji Hassan Adli.⁵

Keputusan Pilihan Raya 1999, bukanlah sama sekali menonjolkan kemerosotan UMNO seratus peratus kerana parti ini masih cemerlang di Johor dengan menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), begitu juga di Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis masih menunjukkan UMNO dominan. Penguasaan parti UMNO meliputi semua peringkat bahagian dan cawangan, lihat kenyataan dibawah:

"With branches in every village in the country serving its 2.7 million members, the party's ability to track grassroots sentiment is unmatched. To ensure continuous and accurate feed-back, UMNO has one party official assigned to monitor each 10 houses in every village in the country."⁶

Natijahnya, ialah walaupun prestasi UMNO tidak secemerlang pilihan raya terdahulu, tetapi budaya kecemerlangan UMNO tidak dapat disangkal lagi dan jauh lebih baik daripada parti-parti pembangkang di negara ini.

NOTA HUJUNG

1. A. Karim Haji Abdullah, *Pengukuhkan Bangsa, politik, ekonomi dan Islam dalam Perjuangan suci UMNO*, (cetusan pemikiran pemimpin UMNO), Good Mark Enterprise, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 245.
2. Chamil Wariya, *Pandangan politik era Mahathir*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1990, hlm. 8.
3. A. Karim Haji Abdullah, *op. cit.*, hlm. 238.
4. Chamil Wariya, *op. cit.*, hlm. 114.
- 5 Norizat Selat, Dato' I Hashim Awang, Nor Ilisham Osman,(ed) *Meniti zaman masyarakat Melayu antara tradisi dan moden*, AKPM, Universiti Malaya, 1991, hlm. 371.
6. Joseph Liow, Crisis, choice and change : Malaysia's Electoral politics and the End of the 20th century dalam *Asian Journal of Political Science Department of Political Science National University of Singapore*, Times Academic Press, vol. 7, No.2, December 1999.